

# GAYA KEMAS CHIC

**BIEM** penuhi aspirasi gaya hidup muda mudi



Oleh Fairuz Zaidan  
fairuzaidan@bharian.com.my

**S**ESUAI gaya hidup kota, fesyen seolah-olah bergerak seliring survival diri. Menyoroti cita rasa bergaya, idea bebas serta kesinambungan fesyen meletakkan penampilan dalam paksi yang memenuhi acuan sukses.

Penggayaan yang sempurna bermakna paduan pakaian harus

menepati tema serta kesesuaian acara. Memastikan keserasian dalam etika penggayaan, jenama profesional BIEM mengetengahkan identiti rekaan yang memenuhi keperluan trampil kemas penuh aspirasi.

Ringkas tetapi menepati ciri sempurna untuk gaya penuh kekemasan, BIEM merangka identiti meliputi rekaan moden kontemporari, segar dan ciri praktikal sebagai mana idea terkini untuk



insan yang mementingkan kesempurnaan.

Gaya urban yang dirintis menerusi rekaan ke acara rasmi dan pejabat - tidak terhad dari segi potongan yang mencerminkan identiti kontemporari, sentuhan BIEM turut mengambil kira aspek warna dan perincian sekali gus menepati tema dan keyakinan sebenar.

Menyentuh mengenai identiti rekaan, gaya bagi rekaan BIEM lelaki menepati ciri golongan profesional muda berdasarkan jenis potongan yang segar, terkini dan sensasi. Laksana rekaan berkelas dunia, potongan bagi setiap persalinan lelaki BIEM meletakkan satu aras tinggi pada penampilan jejak.

Reka bentuk lebih maskulin, bercita-cita dan kombinasi warna yang universal, BIEM banyak berfantasi dengan material, sentuhan kemeja yang menepati keinginan sebenar jejak, idea blazer berpotongan halus, seluar panjang tirus. Kombinasi rona putih, hitam dan kelabu dilihat sesuai yang semula jadi mewakili selera lelaki.

Mengimbangi rona sejati lelaki, BIEM juga nampak mencuba kelainan dengan mengetengahkan rona pastel biru, hijau dan merah jambu untuk rekaan kemeja di mana idea paduan baju dan seluar mampu mencetuskan kombinasi sempurna.

Tidak terhad pada rekaan

rasmal ke pejabat, BIEM Homme direka bagi memenuhi keperluan jejak bagi pakaian kasual. Material segar khususnya pada persalinan baju kain kapas, blazer dan jaket memastikan penawaran pakaian kasual.

Manakala sentuhan rekaan wanita BIEM pula menyaksikan persalinan profesional disuntik dalam adunan gaya yang memberi sifat progresif dalam penggayaan. Susuk gaya wanita muda yang bekerjaya profesional diserlahkan dengan identiti material rekaan khususnya penumpuan pada baju, blazer, skirt dan seluar yang menambah pesona gaya pemakai.

Seolah mahu berfantasi dengan gaya terkini sambil lari dari ciri konvensional, ketara rekaan segar dalam penampilan wanita BIEM menerusi perincian, material fabrik serta potongan yang tidak terlalu spesifik pada rekaan pejabat.

Kombinasi gaya rasmal ke pejabat yang disesuaikan dengan persekitaran dan ciri praktikal, terserah kelainan dalam persalinan untuk wanita. Andai disoroti persalinan gaya, penampilan wanita tidak terhad untuk gaya rasmal semata-mata, ini kerana idea dan rekaan menyeluruh memberi warna dan keserasian untuk bergaya ke pelbagai acara sampingan. Ditambahkan pula dengan padanan aksesori; tiada sebab dan alasan untuk lelaki dan wanita tidak bergaya!